

>>Oleh Shuhada Mansor

darmansor@hmetro.com.my

UNIVERSITI Putra Malaysia (UPM) menyediakan peluang melanjutkan pelajaran kepada individu yang sudah bekerja melalui Program Ijazah untuk Eksekutif di Fakulti Ekonomi dan Pengurusan dengan menampilkan kelainan iaitu pelajar daripada pelbagai latar belakang, pengalaman dan peringkat usia, malah salah satu syarat kemasukannya memerlukan calon berpengalaman bekerja sekurang-kurangnya dua tahun.

Sejak dimulakan pada 1997, program itu melahirkan ramai graduan dalam tiga bidang iaitu Ijazah Pentadbiran Perniagaan, Ijazah Perakaunan dan Ijazah Ekonomi.

Matlamat program Ijazah Pentadbiran Perniagaan untuk melahirkan graduan yang mempunyai kemahiran serta kebolehan dalam bidang pengurusan perniagaan bagi memenuhi permintaan pelbagai sektor perindustrian dan perkhidmatan.

Graduan diterapkan dengan ciri proaktif, mampu berfikir secara rasional dan berdaya saing serta memiliki budaya cemerlang.

Lapan bidang pengkhususan

Ilmu tak kira usia

Program UPM bagi individu bekerja

termasuk Pemasaran, Pengurusan Sumber Manusia, Kewangan, Perniagaan Antarabangsa, Keusahawanan, Undang-undang Perniagaan, Pengurusan Hospitaliti dan Rekreasi serta Pengurusan Am.

Program ini diwujudkan bagi memberi peluang kepada mereka yang bekerja apabila kuliah diadakan selepas waktu bekerja bermula dari jam 6.30 petang hingga 9.30 malam sebanyak tiga hingga empat kali seminggu iaitu dari Isnin hingga Jumaat untuk semua program.

Bagaimanapun, kuliah untuk program Ijazah Pentadbiran Perniagaan diadakan pada setiap Sabtu bermula jam 2.30 petang hingga 9 malam dan Ahad jam 9 pagi -hingga 9 malam. Semua kuliah

dikendalikan di Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, UPM Serdang.

Yuran bagi Ijazah Pentadbiran Perniagaan dan Ijazah Ekonomi adalah RM17,000 untuk tempoh 10 trimester bagi Ijazah Perakaunan RM20,000 untuk tempoh 12 trimester atau empat tahun pengajian.

Pengambilan program dibuka pada Julai setiap tahun namun permohonan akan dibuka sepanjang tahun.

Calon berminat boleh memohon secara talian dan sekiranya mempunyai maklumat lanjut, boleh melayari laman web www.exec.upm.edu.my atau hubungi talian 03-8946 7779 / 7780.